

LAYANAN PRIHATIN, SAMA RATA

WALAU PUN ada desas-desus dalam laman sosial sehari dua ini mempersoalkan, "kenapa Kelantan dapat bantuan banjir lebih, Terengganu kurang", dakwaan itu tidak lebih sekadar cakap-cakap.

Berdasarkan sumber sahih diterima *Utusan Malaysia* semalam, sekolah-sekolah yang terjejas akibat bencana itu di Kelantan lebih banyak berbanding di Terengganu.

Difahamkan, lebih 75 buah sekolah di Kelantan terganggu pembelajaran akibat musibah itu berbanding kira-kira 30 sekolah di negeri jirannya.

Lagipun, bantuan Kerajaan Pusat yang dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa melawat sebuah pusat penempatan mangsa banjir di Tumpat, Sabtu lalu masih diperbualkan di negeri itu.

Ditambah pula sembang kedai kopi di negeri Cik Siti Wan Kembang 'lebih meriah' berbanding negeri-negeri lain. Malah, agensi-agensi bantuan dikepalai anak-anak Kelantan termasuk dari luar Kelantan kelihatan agak agresif prihatin terhadap aspek kebajikan negeri mereka.

Waima apa pun, Perdana Menteri bukan sahaja memberi layanan sama kepada dua negeri yang dilanda musibah itu, namun lebih utama lagi keprihatinan beliau berbuat demikian.

Masuk kerja di awal tahun baharu 2017 sahaja sudah jenguk kawasan banjir.

Kelibat beliau Sabtu lalu turut berserta dengan bantuan kerajaan bagi meringankan beban mangsa



ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

bencana alam itu. Apabila seorang pemangku ketua bahagian di Tumpat membuat permohonan, lantas disambut Perdana Menteri dalam sidang akhbar sejeurus kemudian.

Antaranya kesediaan mengkaji cadangan membina jambatan di Jalan Kasban, Kampung Nibong. Ini bagi membolehkan sebuah saliran dibina untuk menyalurkan air banjir dari kawasan Pengkalan Kubor ke Sungai Golok.

Di Terengganu pun, komitmen sama ditunjukkan. Permintaan untuk bantuan dan cadangan berkaitan turut dibangkitkan kerajaan negeri di bawah Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman. Semuanya diambil perhatian oleh Perdana Menteri. Cuma kekangan masa tidak sempat diadakan sidang akhbar, justeru maklum balas tidak diuahkan Najib kepada media.

Bagi menggerakkan projek tebatan banjir sebagai pelan jangka panjang mengatasi masalah banjir di Kelantan, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM800 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu dijadual dilaksanakan Jun ini. Fasa pertama projek bernilai RM300 juta sudah diluluskan di lembangan Sungai Golok, diikuti projek pengorekan muara Sungai Kelantan

dan pembinaan tambak berjumlah RM500 juta di bawah RMK-11.

Pelaksanaan dua projek besar yang dijangka siap lima tahun lagi itu sebagai usaha mengurangkan risiko banjir akibat limpahan air Sungai Kelantan.

Sabtu lalu, di dua tempat yang disinggahi Perdana Menteri di Kelantan dan Terengganu, beliau berkongsi kesedihan dengan mangsa-mangsa banjir dan memberi jaminan Kerajaan Pusat akan melakukan segala termampu bagi meringankan beban mereka.

Misi Bantuan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) turut dilancarkan bagi membantu mangsa-mangsa banjir terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur.

Konvoi kenderaan untuk misi berkenaan dilepaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi di Kementerian Dalam Negeri pada 4 Januari lalu.

Sumbangan yang disalurkan

termasuk pek-pek makanan keperluan asas mengandungi beras, minyak masak, sardin dan susu selain ubat-ubatan, tuala wanita, lampin dewasa dan kanak-kanak serta telekung dan kain pelekak.

Semasa bencana besar melanda negara penghujung 2014, Najib melawat Kelantan sebanyak tiga kali, Pahang dua kali (termasuk ketika gelombang pertama), masing-masing sekali di Perak dan Pahang. Semua daerah yang menerima kesan bencana itu dilawati.

Ketika ini bantuan banjir memasuki fasa pemulihan dan pembaikan di kawasan terlibat.

Tidak timbul isu 'antara dua darjat' layanan Perdana Menteri terhadap negeri-negeri yang ditimpa musibah ini.

Cuma barangkali keprihatinan Perdana Menteri duduk dan bermesra dengan mangsa-mangsa banjir yang meresahkan pakatan pembangkang.



NAJIB TUN RAZAK mendukung bayi, Mohd. Azri Rashid, 6 bulan ketika melawat pusat pemindahan banjir SK Bukit Guntong, Kuala Terengganu, kelmarin. Turut kelihatan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim. - UTUSAN/AZLAN BAHROM



PERDANA Menteri beramah mesra dengan kanak-kanak mangsa banjir ketika melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bunohan di Tumpat, Kelantan, 7 Januari lalu. - BERNAMA